



فجاجة فريندهاران نكري، ترغكانو،
ويسما دار الإيمان، كوالا ترغكانو.
PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI,
TERENGGANU,
Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,
20592 Kuala Terengganu.

Tel : 09-6231957
Fax : 09-6237949 (Perb. Tr)
09-6237948 (Bend. Tr)

PERB.TR.U/16/01/01/2 - (19)
Bertarikh : 13 Oktober 2011
Bersamaan : 15 Zulkaedah 1432

Semua Ketua Jabatan Negeri,
Terengganu.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan,
Yang Berkenaan Sahaja.

Tuan/puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU BIL. 1 TAHUN 2011
PEMBAYARAN BAUCAR DIBAWAH AKAUN KENA BAYAR (AKB 2011)**

Adalah dengan segala hormatnya surat ini PERB.TR.U/16/01/01/2l (18) bertarikh 13 Oktober 2011 mengenai perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, bagi mengelak lambakan baucar bayaran yang dibayar dibawah Akaun Kena Bayar tahun 2011 maka Ketua Jabatan hendaklah memastikan pembayaran yang hendak dilakukan mematuhi kehendak-kehendak dibawah:

- 2.1. Tarikh akhir baucer AKB yang perlu diluluskan diperingkat jabatan adalah **pada 10 Januari 2012.**
- 2.2. Dalam tempoh AKB iaitu bulan Januari 2012, baucer AKB tahun perakaunan perlu ditukar kepada tahun 2011.
- 2.3. Baucer bayaran yang dikuiiri dalam tempoh AKB hendaklah dikemukakan semula bagi tujuan pembayaran pada tarikh **11 & 12 Januari 2012** dengan menyatakan nombor baucer yang dikuiiri tersebut pada ruangan perihal.
- 2.4. Pembayaran tuntutan elaun perjalanan didalam tempoh AKB hanyalah melibatkan tuntutan bulan **Disember 2011** sahaja dibenarkan.

2.5.Semua bayaran yang dikenakan ke **Akaun Deposit/Amanah** hendaklah diperakaunkan dalam tahun urusanniaga yang dilakukan (**tiada tempoh AKB**).


3. Sehubungan itu, semua Ketua Jabatan adalah diminta supaya sentiasa mematuhi peraturan dan tarikh yang ditetapkan bagi semua perkara yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil:3 Tahun 2011.

Sekian, terima kasih.

“ MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN ”

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ***

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN ISMAIL)

Pegawai Kewangan Negeri,
Terengganu.

s.k.

Bendahari Negeri,
Terengganu.

Pengarah Audit Negeri,
Terengganu.

Pengarah,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Cawangan Terengganu,
Kuala Terengganu.

Fail timbul

Has/ANTR